

Kempen 'Nak Cuti Ler Tu...'
Terma-terma dan Syarat-syarat

NOTIS PENTING:

PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SEBELUM MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.

1. Definisi

(a)

Terma	Definisi
Kempen	Kempen 'Nak Cuti Ler Tu..' dianjurkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam atau "Bank") tertakluk dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat disini.
DuitNow	Perkhidmatan pemindahan dana secara elektronik yang membolehkan pelanggan bank memindahkan/menerima dana menggunakan nombor akaun penerima atau ID DuitNow.
JomPAY	Satu inisiatif Nasional yang disokong oleh Bank Islam untuk mewujudkan satu kaedah pembayaran bil atas talian di seluruh Malaysia.
FPX	Saluran pembayaran atas talian yang memudahkan pengguna untuk melakukan transaksi kewangan untuk pembelian atas talian..
Tabung Haji	Akaun Tabung Haji yang dipautkan dengan Perbankan Internet Bank Islam
Pelanggan yang Layak	Pelanggan Perbankan Internet dan/atau aplikasi GO by Bank Islam yang memenuhi Syarat Kelayakan dan mekanisme kempen terkandung di sini.
Tempoh Permainan	Tempoh dimana Pelanggan yang Layak boleh bermain setiap permainan seperti dinyatakan dalam klausa 4 (c)

2. Tempoh Kempen

(a) Tempoh kempen bermula dari 8 Januari 2022 sehingga 7 April 2022

3. Kriteria Kelayakan

3.1. Pelanggan yang Layak mesti mematuhi kriteria berikut:

(a) Berumur 18 tahun dan ke atas; dan -

(b) Melakukan mana-mana transaksi berikut dengan jumlah minimum RM10.00 semasa Tempoh kempen ("Transaksi yang Layak")

- I. Pemindahan atau pembayaran menggunakan DuitNow;
- II. Pembayaran bil melalui perkhidmatan JomPAY;
- III. Pembayaran melalui perkhidmatan FPX; atau
- IV. Pemindahan ke dalam atau dari akaun Tabung Haji

3.2. Pelanggan yang Layak yang merupakan kakitangan Bank Islam bahagian eChannels (tetap/kontrak) tidak layak menyertai Kempen ini.

4. Mekanisme Kempen

(a) Setiap Transaksi yang Layak yang berjaya dilakukan akan mendapat mata ganjaran yang boleh digunakan untuk bermain permainan seperti dinyatakan dalam klausa 4(c) dibawah untuk berpeluang memenangi hadiah yang dinyatakan dalam klausa 6.

(b) Mata ganjaran untuk dikumpul adalah seperti berikut:

Perkhidmatan	Jenis Transaksi	Mata Ganjaran menggunakan Perbankan Internet (8 Jan – 7 April 2022)	Mata Ganjaran menggunakan GO by Bank Islam (22 Feb – 7 April 2022)*
DuitNow	Permindahan atau Pembayaran	1	2
JomPAY	Pembayaran bil	2	4
FPX	Pembayaran	2	N/A
Tabung Haji	Pemindahan	5	10

*Nota: Tiada mata ganjaran akan diberikan sekiranya Transaksi yang Layak dibuat melalui aplikasi GO by Bank Islam sebelum tempoh diatas.

Contoh scenario untuk pengiraan mata ganjaran:

Senario	Mata Ganjaran diperoleh dan layak untuk ditebus
<p>Tarikh transaksi: 8 Januari 2022</p> <p>Ahmad melakukan transaksi DuitNow sebanyak RM15.00 kepada rakannya serta membayar bil air dan bil telefon menggunakan perkhidmatan JomPAY. Kesemua transaksi ini dilakukan menerusi Perbankan Internet.</p>	<p>Mata DuitNow: 1</p> <p>Mata JomPAY: 2 x 2 transaksi = 4</p> <p>Jumlah mata diperoleh: 5</p> <p>Dengan 5 mata ganjaran, Ahmad tidak layak untuk bermain permainan.</p>
<p>Tarikh transaksi: 10 Januari 2022.</p> <p>Siti membayar bil elektik dan bil telefon menggunakan perkhidmatan JomPAY melalui aplikasi GO by Bank Islam.</p>	<p>Siti tidak layak untuk mendapat mata ganjaran kerana transaksi tersebut dibuat melalui aplikasi GO by Bank Islam sebelum 22 Februari 2022.</p>
<p>Tarikh transaksi: 23 Februari 2022</p> <p>Ana melakukan pemindahan ke akaun Tabung Haji sebanyak RM100.00 menggunakan Go by Bank Islam. Dia juga membuat 3 pembayaran pembelian atas talian menggunakan perkhidmatan FPX melalui Perbankan Internet berjumlah RM150.00</p>	<p>Mata Tabung Haji: 10</p> <p>Mata FPX: 2 x 3 transaksi = 6</p> <p>Jumlah mata diperoleh: 16</p> <p>Ana mendapat 16 mata ganjaran dan layak untuk bermain sebanyak dua pusingan.</p>
<p>Tarikh transaksi: 2 Mac 2022</p> <p>Ali memindahkan dana sebanyak RM10.00 kepada rakannya menggunakan Perkhidmatan DuitNow dan membayar bil utiliti dengan kaedah JomPAY menerusi <i>GO by Bank Islam</i>.</p>	<p>Mata DuitNow: 2</p> <p>Mata JomPAY: 4</p> <p>Jumlah mata ganjaran diperoleh: 6</p> <p>Ali tidak mempunyai mata ganjaran yang cukup untuk ditebus bagi melayakkan dia bermain permainan.</p>

(c) Mata ganjaran yang diperolehi perlu ditebus untuk bermain permainan berikut:

Permainan	Tempoh Permainan	Mata Ganjaran yang diperlukan
<i>Deep Dive</i>	8 Januari – 21 Februari 2022	8
<i>Catch 'em Food</i>	22 Februari – 7 April 2022	8

- (d) Sepanjang Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak boleh mengakses maklumat berikut di Perbankan Internet:
- i. Baki mata ganjaran
 - ii. Mata ganjaran yang telah ditebus
 - iii. Skor terkini (**Skor terbaik harian**)
 - iv. Kedudukan peribadi terkini
- (e) Tiada had maksimum bagi pusingan permainan yang boleh disertai oleh Pelanggan yang Layak. Pelanggan yang Layak boleh main jika mempunyai baki mata ganjaran yang cukup untuk ditebus bagi setiap permainan.
- (f) Skor yang diperolehi daripada permainan yang dimainkan membolehkan Pelanggan yang Layak berpeluang menangi hadiah.

5. **Pemenang**

(a) **Hadiah Harian**

- i. Pemenang akan dipilih daripada 5 pengumpul mata tertinggi.
- ii. Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi 1 hadiah harian sepanjang Tempoh Kempen, walaubagaimanapun, pelanggan masih layak untuk pemilihan pemenang hadiah utama.

(b) **Hadiah Utama**

- i. Pemenang hadiah utama akan dipilih melalui cabutan Pelanggan yang Layak dengan jumlah minimum skor permainan sebanyak 150 untuk permainan yang dimainkan sepanjang Tempoh Kempen.
- (c) Para pemenang akan dimumumkan melalui laman web Bank Islam. Pemenang hadiah harian akan diumumkan pada setiap hari Isnin minggu berikutnya.
- (d) Pemenang harus memastikan alamat e-mel dalam Perbankan Internet adalah betul supaya Bank dapat menghubungi pemenang untuk urusan penebusan hadiah. E-mel akan dihantar kepada setiap pemenang dalam masa 2 minggu selepas tamat Tempoh Kempen untuk memberitahu tentang kemenangan dan penebusan hadiah. Sekiranya pelanggan ingin mengemaskini alamat e-mel, ianya boleh dibuat melalui Perbankan Internet Bank Islam di '*Setting*' > '*Update Profile*'.
- (e) Sekiranya pemenang tidak dapat menuntut atau menerima hadiah yang dimenangi dalam tempoh 90 hari selepas pemberitahuan para pemenang, hadiah tersebut akan ditarik balik. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan daripada pelanggan apabila hadiah ditarik balik.

6. **Hadiah**

(a) Hadiah untuk pemenang kempen adalah seperti berikut:

Kategori	Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Harian	Lima (5) orang pemenang harian akan memenangi baucar percutian RM 500 yang dipilih oleh para pemenang *	450
Hadiah Utama	1 unit Proton X50 setiap pemenang	2

*Nota:

1. Destinasi percutian mestilah dipilih sebelum memulakan permainan
2. Baucar percutian adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat pihak hotel tersebut. Pelanggan adalah dinasihati untuk melayari laman web hotel untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat penuh berkenaan baucar percutian.
3. Tempoh sah baucar percutian adalah selama satu (1) tahun dari tarikh pengumuman pemenang dihantar melalui e-mel.

7. Terma-terma dan Syarat-syarat Am

- (a) Pelanggan yang Layak/Pelanggan adalah dinasihati untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam manamana kempen atau promosi kami.
- (b) Untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi kami, Pelanggan yang Layak/Pelanggan mestilah termasuk didalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak Bank, Pelanggan yang Layak/Pelanggan tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi tersebut.
- (c) Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen/Promosi ini, Pelanggan yang Layak/Pelanggan:
- i. akan membenarkan Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadinya (nama penuh dan nombor kad pengenalan) kepada penyedia perkhidmatan Bank Islam (pihak hotel) setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini sekiranya terpilih di dalam kedudukan 'Top 5';
 - ii. akan bersetuju untuk Bank Islam menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambarnya di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank Islam untuk tujuan Kempen / Promosi ini (dimana berkenaan); dan
 - iii. akan bersetuju dengan keputusan Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan para pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum Bank Islam adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak dan tiada surat menyurat selanjutnya dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank akan dilayan.

- (d)** Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap di bawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.
- (e)** Hadiah-hadiah di dalam Kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan, melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini (jika ada).
- (f)** Hadiah ini tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Pemenang-Pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada (“as it is”) dan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza dipasaran ketika pemenang menebus/memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- (g)** Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi dengan memberikan notis kepada Pelanggan yang Layak/Pelanggan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank.
- (h)** Pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Pemenang Terpilih adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.
- (i)** Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, pihak Bank akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen/Promosi ini, pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang di mana-mana media yang dipilih oleh Bank. Oleh yang demikian, Bank berhak untuk menyiar atau memaparkan nama dan gambar pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.
- (j)** Bank dan sekutunya beserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas yang berikut:

 - i. sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan / atau sebarang kecedaran dan / atau kehilangan ke atas nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen / Promosi ini; dan
 - ii. sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/ atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan yang Layak/Pelanggan berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen/Promosi atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan

untuk menebus atau mengambil hadiah, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang.

- iii. Segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.
-
- (k)** Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen/Promosi oleh pihak Bank, tidak membolehkan pelanggan-pelanggan yang menyertai Kempen/Promosi ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh pelanggan-pelanggan sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
 - (l)** Pelanggan yang Layak/Pemenang adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan SyaratSyarat Kempen/Promosi untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat;
 - (m)** Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat Produk / Kemudahan. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.
 - (n)** Semua Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat lanjut sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03-26 900 900 atau layari laman web kami di <http://www.bankislam.com> .